

**Malaysia, S'pura Berganding Bahu Percepat Pertumbuhan Industri Kandungan  
Bernama  
10 Oktober, 2012  
Daripada Kamarlaila Sulaiman**

CANNES (Perancis), 10 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Singapura menjalin pakatan strategik serampang dua mata untuk menembusi pasaran golabal bagi industri kandungan, kata Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Kamaruddin Siaraf.

Beliau berkata kerjasama yang dijalin industri kreatif dari kedua-dua negara memang tepat pada masanya kerana mereka berkongsi minat, budaya, tradisi, bahasa dan kaum yang sama.

"Kami memuji usaha positif Singapura dan mengalu-alukan kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak di Iskandar Malaysia, lebih-lebih lagi memandangkan potensi yang dimiliki Iskandar Malaysia dalam menyediakan kemudahan serta prasarana industri untuk syarikat Singapura," katanya.

Kamaruddin berkata demikian ketika berucap pada hari kedua Pameran Perdagangan Audio Visual Sedunia (Mipcom) 2012 di Palais des Festivals di sini.

Pinewood Iskandar Malaysia Studios adalah antara ciri utama projek pembangunan secara besar-besaran di Iskandar Malaysia yang dijadual siap tahun depan. Ia dijangka menjana keuntungan ekonomi berjumlah RM1 bilion dalam tempoh lapan tahun dan akan mewujudkan 3,000 peluang pekerjaan.

Kamaruddin mengetuai delegasi Malaysia yang terdiri daripada wakil 40 syarikat kandungan kreatif ke pameran empat hari itu, yang berakhir pada 11 Okt.

Pada Selasa, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) dan Media Development Authority (MDA) dari Singapura menganjurkan majlis koktel Malaysia-Singapura bagi meraikan penubuhan rangkaian itu.

Lebih 70 wakil syarikat Malaysia dan Singapura menjadi hos kepada jemputan antarabangsa ke majlis itu yang terdiri daripada penyiar, penganjur, penerbit dan pelabur.

Pada majlis itu, penganjur juga mempamerkan program terkini untuk dijual dan diedarkan di pasaran, yang diterbitkan dan dimajukan studio di Malaysia dan Singapura.

Sementara itu, pengerusi Finas Datuk Md Afendi Hamdan berkata sejajar dengan perkembangan pesat industri hiburan dan media di Asia sejak beberapa tahun kebelakangan ini, adalah penting bagi Finas dan MDA berganding bahu dalam menghasilkan lebih banyak penerbitan dan projek pendedaran di rantau berkenaan.

"Perkongsian usaha dan sumber dengan jiran serantau seperti Singapura membawa banyak kebaikan kepada kedua-dua negara. Malaysia dan Singapura boleh memanfaatkan secara strategik kekuatan satu sama lain iaitu sebagai penyedia kandungan digital dan melalui sektor pertumbuhan tinggi mereka yang terkenal di seluruh dunia," katanya.

Penolong ketua pegawai eksekutif MDA Yeo Chun Cheng pula berkata adalah amat penting bagi industri media dari Singapura dan Malaysia berkembang secara seiringan dan bekerjasama dalam melaksanakan projek media dengan matlamat untuk menembusi pasaran global.

"Acara yang julung kali diadakan secara bersama oleh Singapura dan Malaysia ini hanya merupakan permulaan bagi lebih banyak langkah untuk meningkatkan sinergi dalam segala usaha yang akan kami lakukan, di samping membuka jalan bagi syarikat Singapura dan Malaysia menghasilkan kandungan menarik yang dapat memenuhi selera khalayak tempatan dan antarabangsa," katanya.

Mipcom adalah acara global tahunan bagi penghasilan bersama, membeli, menjual, membiayai dan mengedar kandungan hiburan melalui pelbagai platform.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700960>